

Malaysia buat cip komputer

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia akan mengeluarkan mikrocip sendiri menerusi kilang Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) berharga RM110 juta di Taman Teknologi, Bukit Jalil, pada 1996.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata buat permulaan kilang itu akan memenuhi keperluan pasaran tempatan yang berpotensi luas untuk berkembang.

Kerja pembinaan awal kilang itu sudah dimulakan dan dijangka siap akhir tahun depan.

"Pasaran untuk mikrocip di Malaysia sudah ada. Umpamanya bidang kejuruteraan automatif memerlukan mikrocip yang banyak kerana Proton mengeluarkan banyak kereta setiap tahun.

"Purata bagi setiap kereta menggunakan 20 mikrocip. Ini bermakna sudah ada ruang pasaran untuk kilang ini memasarkan keluarannya," kata beliau selepas melawat pejabat Mimos di sini, hari ini.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan talian antarabangsa, Projek Kerjasama Rangkaian Bersepadu Penyelidikan Termaju (Jaring) yang sudah ditingkatkan keupayaannya.

Jaring dikendalikan oleh Mimos dan dihubungkan kepada rangkaian antarabangsa Internet. Ia adalah lebuhraya maklumat dunia dan boleh dihubungkan terus ke rumah, sekolah dan pejabat.

Turut hadir di majlis itu Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding

dan Ketua Pengarah Mimos, Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen.

Dr Mahathir berkata, selain automatif, industri komputer juga menggunakan banyak mikrocip.

"Kilang yang mengeluarkan mikrocip ciptaan Malaysia itu nanti dijangka dapat memenuhi keperluan jangka panjang," katanya.

Kilang Mimos yang dibina di Bukit Jalil itu dijangka mampu mengeluarkan 6,000 unit wafer (hiasan silikon untuk dijadikan cip) sebulan. Apabila beroperasi sepenuhnya menjelang tahun

2000 nanti, ia berkeupayaan menghasilkan 12 juta mikrocip setahun.

Beliau berkata, keseluruhannya masih banyak perlu dilakukan dalam memajukan teknologi maklumat di negara ini, terutama dalam membekalkan peralatan canggih bagi keperluan industri tempatan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan terus membantu Mimos setakat termampu untuk meningkatkan keupayaan dalam industri maklumat bagi membolehkan Malaysia mengeluarkan mikrocip sendiri.

Katanya, sejak ditu-

buhkan sembilan tahun lalu, sudah banyak kemajuan dicapai oleh Mimos, termasuk memasarkan hasil penyelidikannya ke luar negara.

Ini, katanya, menunjukkan Mimos menyumbang ke arah menjayakan kemajuan negara dalam bidang teknologi mikroelektronik.

Ditanya apakah kerajaan menyediakan insentif bagi menggalakkan pembangunan sektor itu, Perdana Menteri berkata, ketika ini industri tempatan menyedari kepentingannya dan mereka tentu meningkatkan usaha berdikari.